

04 AUG 2003

Abdullah-PKPM

POLIS SIASAT DAKWAAN MENTERI TERLIBAT DENGAN PKPM

PUTRAJAYA, 4 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata polis akan menyiasat dakwaan kononnya ada menteri yang terlibat dengan Pasukan Khas Persekutuan Malaysia (PKPM), sebuah pertubuhan palsu diketuai seorang lelaki menggelarkan dirinya jeneral yang ingin menjadi perdana menteri keenam.

Timbalan Perdana Menteri berkata polis akan menyiasat segala maklumat yang diperolehinya sama ada melalui surat-surat individu atau laporan daripada mana-mana pihak.

"Kita tidak boleh berkata `ah, ini tidak ada apa apa'. Kita tak mahu mengambil sikap tidak ada apa-apa, lepas itu jadi apa-apa.

"Itu sikap polis dalam menjalankan siasatan," katanya pada sidang media selepas melancarkan Kembara Merdeka Jalur Gemilang 2003 di sini hari ini.

Bagaimanapun, katanya, beliau yakin tidak ada menteri kabinet terlibat dengan pasukan itu seperti yang didakwa oleh ketua turus Pasukan Tindakan Cemas Malaysia (PTCM), Munsyi Muslim Yacob.

Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Munsyi perlu membuktikan dakwaannya itu, dan jika dia gagal, kerajaan akan mengambil tindakan undang-undang terhadapnya.

Abdullah berkata: "Saya percaya menteri tak ada terlibat seperti menjadi ahli dan sebagainya. Tetapi mungkin ada yang ditemui oleh pihak berkenaan."

Kegiatan PKPM, yang berfungsi seolah-olah sebuah pasukan bersenjata dan menjual pangkat kepada orang ramai, terbongkar selepas polis menyerbu ibu pejabatnya di Pantai Dalam pada 24 Julai lepas.

Ketika ditahan, ketuanya Nor Azami Ahmad Ghazali, 35, memakai pakaian seragam dan berpangkat "Leftenan Jeneral". Polis dilaporkan turut merampas dua pucuk pistol, berpuluh-puluh parang dan beratus pakaian seragam menyerupai tentera.

Abdullah turut menolak andaian bahawa pihak polis lambat bertindak terhadap laporan-laporan yang dibuat kepada polis mengenai PKPM.

"Mereka mengesan aktivitinya pada Jun, sekarang ini Ogos. Itu (tindakan polis) amat pantas.

"Polis bukannya menunggu berbulan-bulan atau bertahun-tahun lamanya (sebelum bertindak). Polis kita sentiasa berhati-hati dengan perkembangan seperti ini," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Abdullah berkata Kementerian Dalam Negeri tidak bercadang mengkaji semula pertubuhan-pertubuhan sedia ada bagi mengesan sekiranya ada yang menyimpang daripada tujuan asal mereka.

"Kalau dia menyimpang, kita akan tahu," katanya.

Beliau berkata siasatan polis mengenai PKPM masih diteruskan sehinggalah tiba satu masa ia berpuas hati siasatan telah mencukupi.

"Tapi menyatakan siasatan telah tamat, tidak bermakna polis tidak akan menyiasat apa-apa lagi jika timbul fakta baru berkaitan organisasi berkenaan," katanya.

Program Kembara Merdeka Jaluran Gemilang anjuran Jabatan Penerangan akan berlangsung selama sebulan di seluruh negara sebagai acara sambutan Hari Kemerdekaan ke-46.

Bertemakan "Kerana Mu Malaysia Gemilang", program itu bertujuan menanam semangat patriotik di kalangan rakyat.

Ia meliputi tiga peringkat iaitu dari 4 hingga 19 Ogos di Semenanjung, 9 hingga 23 Ogos di Sabah dan dari 17 hingga 30 Ogos di Sarawak.

Lebih daripada 100,000 bendera akan dipasang dan dikibarkan pada kenderaan dan premis oleh peserta konvoi.

-- BERNAMA

MAM MAI